

11/07/2003

Kata-kata aluan Perdana Menteri

SAYA ucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan Kompleks Sukan

Negara kepada saya sempena penerbitan Sisipan Khas Ulang Tahun ke-5.

Sejak dibuka secara rasmi pada 11 Julai 1998, kompleks ini telah memainkan peranan yang sewajarnya di dalam penganjuran pelbagai acara seperti Sukan Komanwel 1998, Sukan SEA XXI 2001, Kejohanan Hoki Piala Dunia 2002, Kejohanan Ping Pong Dunia 2000, Kejohanan KL World 5's Futsal 2003 dan sebagainya.

Ini jelas menggambarkan betapa pembinaan kompleks ini memenuhi keperluan negara dan keputusan Kerajaan membinanya adalah keputusan yang tepat untuk memberi peluang kepada rakyat Malaysia menikmati acara sukan bertaraf dunia.

Acara besar sebegini juga adalah peluang yang baik dalam mempromosi dan memperkenalkan negara sebagai destinasi pelancongan serta pusat kecemerlangan sukan yang unggul.

Saya sekali lagi melahirkan kesyukuran di atas prestasi baik dari aspek penggunaan dan kewangan yang ditunjukkan oleh pihak Kompleks Sukan Negara dan berharap pengurusannya sentiasa mencari kaedah dan inovasi baru dalam memasarkan venue ini ke seluruh dunia.

Akhir kata, saya ucapkan Selamat Ulang Tahun Kompleks Sukan Negara yang ke-5.

DR MAHATHIR MOHAMAD
Putrajaya